



19 November 2025  
19 November 2025  
P.U. (A) 415

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN  
(PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM)  
(DANAINFRA NASIONAL BERHAD) 2025

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)  
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
(DANAINFRA NASIONAL BERHAD) ORDER 2025*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)  
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (DANAINFRA NASIONAL BERHAD) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (DanaInfra Nasional Berhad) 2025**.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini—

“jaminan” ertinya jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia berhubung dengan Program IMTN dan ICP, Program IMTN dan ICP yang dipertingkat dan Kemudahan SFF-i;

“Kemudahan SFF-i” ertinya Kemudahan Kredit Pusingan Islam Bersindiket yang diperoleh oleh DanaInfra Nasional Berhad dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi satu bilion ringgit (RM1,000,000,000.00);

“Program IMTN dan ICP” ertinya Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh DanaInfra Nasional Berhad menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam dengan nilai nominal sehingga lapan puluh dua bilion dua ratus juta ringgit (RM82,200,000,000.00) termasuk amaun agregat yang telah diperoleh di bawah Kemudahan SFF-i;

“Program IMTN dan ICP yang dipertingkat” ertinya Program IMTN dan ICP yang telah dipertingkatkan dengan nilai nominal tambahan sehingga enam bilion lima ratus juta ringgit (RM6,500,000,000.00) kepada nilai agregat maksimum sehingga lapan puluh lapan bilion tujuh ratus juta ringgit (RM88,700,000,000.00) termasuk amaun agregat prinsipal yang telah diperoleh di bawah Kemudahan SFF-i.

**Peremitan cukai**

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53] oleh—

- (a) DanaInfra Nasional Berhad, mana-mana pembiaya Kemudahan SFF-i atau mana-mana pihak lain berkenaan dengan apa-apa wang yang harus dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Kemudahan SFF-i dan jaminan;
- (b) DanaInfra Nasional Berhad atau mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam dan Kertas Komersial Islam atau mana-mana pihak lain berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program IMTN dan ICP atau Program IMTN dan ICP yang dipertingkat dan jaminan; atau
- (c) mana-mana pihak yang perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan pembiayaan yang diperoleh oleh DanaInfra Nasional Berhad di bawah Perintah ini dipindahkan atau diserahkan,

hendaklah diremitkan sepenuhnya.

**Peremitan duti setem**

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [Akta 378] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara dan dokumen berhubung dengan Program IMTN dan ICP, Program IMTN dan ICP yang dipertingkat, Kemudahan SFF-i dan jaminan hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 14 November 2025  
[MOF.SID.700-14/2/8 JLD.4; PN(PU2)232/JLD.19]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN  
*Menteri Kewangan II*

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) (REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)  
(DANAINFRA NASIONAL BERHAD) ORDER 2025

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [*Act 96*], the Minister makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) (DanaInfra Nasional Berhad) Order 2025**.

**Interpretation**

2. In this Order—

“guarantee” means the guarantee given or to be given by the Government of Malaysia in relation to the IMTN and ICP Programme, upsized IMTN and ICP Programme and SFF-i Facility;

“SFF-i Facility” means the Syndicated Islamic Revolving Credit Facility obtained by DanaInfra Nasional Berhad with the aggregate principal amount not exceeding one billion ringgit (RM1,000,000,000.00);

“IMTN and ICP Programme” means the Islamic Medium Term Notes and Islamic Commercial Papers issued or to be issued by the DanaInfra Nasional Berhad pursuant to the Islamic Medium Term Notes and Islamic Commercial Papers Programme with nominal value of up to eighty-two billion two hundred million ringgit (RM82,200,000,000.00) including the aggregate principal amount obtained under the SFF-i Facility;

“upsized IMTN and ICP Programme” means the IMTN and ICP Programme which has been upsized with an additional nominal value of up to six billion five hundred million ringgit (RM6,500,000,000.00) to a maximum aggregate value of up to eighty-eight billion seven hundred million ringgit (RM88,700,000,000.00) including the aggregate principal amount obtained under the SFF-i Facility.

**Remission of tax**

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [Act 53] by—

- (a) DanaInfra Nasional Berhad, any financier of the SFF-i Facility or any other party in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the SFF-i Facility and the guarantee;
- (b) DanaInfra Nasional Berhad or any holder of the Islamic Medium Term Notes and Islamic Commercial Papers or any other party in respect of any money payable under any agreement, note, instrument and document in relation to the IMTN and ICP Programme or upsized IMTN and ICP Programme and the guarantee; or
- (c) any party to whom the agreement, note, instrument and document relating to the funding obtained by DanaInfra Nasional Berhad under this Order is transferred or assigned,

shall be remitted in full.

**Remission of stamp duty**

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [Act 378] in respect of any agreement, note, instrument and document in relation to the IMTN and ICP Programme, upsized IMTN and ICP Programme, SFF-i Facility and the guarantee shall be remitted in full.

Made 14 November 2025  
[MOF.SID.700-14/2/8 JLD.4; PN(PU2)232/JLD.19]

DATUK SERI AMIR HAMZAH BIN AZIZAN  
*Finance Minister II*